

07 MAY 1996

Isa-PBT

PBT PERLU GUNA SEPENUHNYA PERUNTUKAN UNTUK KEPENTINGAN PENDUDUK

SEREMBAN, 7 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan perlu menggunakan sepenuhnya peruntukan yang diberikan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada penduduk.

Katanya peruntukan itu perlu digunakan dengan sebaik mungkin demi kepentingan penduduk setempat yang sudah semestinya mahukan khidmat yang terbaik sebagai pembayar cukai.

"PBT jangan terlalu ghairah menyimpan wang peruntukan sebagai simpanan tetap di bank-bank sehingga keperluan asas yang sepatutnya dipertingkatkan diabaikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Pengurusan Cemerlang Ahli-ahli Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan di sini hari ini.

Mohamed Isa meminta setiap Yang Dipertua dan anggota majlis PBT supaya sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan di kawasan masing-masing demi kesejahteraan masyarakat setempat.

"Kekurangan yang dihadapi oleh PBT terutama dari segi kewangan dan pentadbiran tidak seharusnya dijadikan alasan untuk gagal mengadakan pembangunan di kawasan masing-masing".

Beliau berkata banyak cara dapat dilakukan seperti mengadakan usahasama dengan pihak swasta dalam projek pembangunan khususnya bagi mengatasi masalah kekurangan sumber kewangan.

Mengulas Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Menteri Besar menyifatkannya sebagai yang terbaik daripada rancangan-rancangan lima tahun sebelum ini.

"RMK7 yang dibentangkan oleh Dr Mahathir merupakan persiapan negara untuk menghadapi abad ke-21 terutama dalam menyediakan persiapan yang lebih lengkap daripada segi fizikal dan kerohanian," katanya.

Beliau berkata ini penting kerana pada abad ke-21, negara bukan sahaja dijangka mengalami pertumbuhan ekonomi sangat pesat tetapi juga cabaran sosial yang seiring dengan kepesatan itu. -- BERNAMA

RAB NAK